

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

Pembeli produk rokok kena tunjuk kad pengenalan

Cadangan GEG tak benarkan individu lahir pada 2007 dan ke atas guna, hisap, miliki produk merokok

Oleh Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, hari ini selepas lebih 10 tahun ia diperjuangkan.

RUU yang akan dibentangkan oleh Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin, turut akan memperuntukkan cadangan Generational End Game (GEG) atau generasi penamat yang tidak mem-

benarkan individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya daripada menggunakan, menghisap mahupun memiliki sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik.

Semua larangan itu akan dimasukkan ke dalam draf RUU Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang akan dibentangkan pada Dewan Rakyat kali ini.

Pelaksanaan GEG penting kerana masalah merokok di Malaysia menunjukkan penurunan peraturan yang sangat sedikit sejak beberapa tahun lalu serta masalah menghisap rokok konvensional di Malaysia dibebani dengan masalah rokok elektronik.

Melalui cadangan GEG ini juga, KKM menyasarkan untuk menurunkan peratus perokok di Malaysia daripada lima peratus menjelang tahun 2040.

Selain itu, Malaysia juga sedang berhadapan dengan masalah 'double burden of health' yang serius akibat penggunaan

rokok konvensional dan rokok elektronik.

Kajian projeksi yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan, kawalan sedia ada yang dilaksanakan akan hanya menunjukkan penurunan sangat sedikit dalam jangka masa panjang.

Peratusan merokok tinggi

Masalah itu turut ditambah dengan beban peratusan merokok yang tinggi dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 15 tahun bagi rokok konvensional dan elektronik.

Apabila undang-undang ini dikuat kuasa, penjual hendaklah memastikan mereka yang membeli produk merokok menunjukkan kad pengenalan ataupun pasport bagi memastikan jual beli hanya dilaksanakan dalam kumpulan generasi dibenarkan.

Pelaksanaan yang sama sememangnya sudah dilaksanakan sebelum ini, khusus bagi larangan pembelian kepada orang di bawah umur. Namun, pihak ber-



wajib perlu meneliti pelaksanaan secara digital bagi memudahkan proses jual beli pada masa depan.

Larangan itu akan membabitkan semua produk merokok iaitu semua produk hasil tembakau termasuk rokok, cerut, tembakau leraai atau tembakau snus, semua produk hasil tembakau yang dipanaskan, semua produk merokok yang menggunakan daun lain selain daun tembakau, semua jenis rokok elektronik dan merangkumi peralatan elektronik (smoking device) yang digunakan untuk tujuan merokok.

Secara keseluruhannya, semua pihak menyokong baik RUU ini

dengan sentimen mewujudkan kumpulan rakyat Malaysia yang 'dipisahkan' daripada tabiat merokok.

Industri rokok mungkin tidak dapat dipisahkan dari negara ini tetapi RUU ini akan membolehkan kewujudan garis pemisah dengan kaedah GEG itu.

NGO, ahli akademik dan orang ramai, termasuklah pengusaha di dalam industri vape, menyatakan sokongan penuh mereka terhadap RUU berkenaan demi kesihatan baik Keluarga Malaysia pada masa depan, selain mengimbangi kos ditanggung kerajaan bagi merawat penyakit yang berpunca daripada tabiat merokok.

Sidang Dewan Rakyat

Isu kurang ubat pulih suku keempat tahun ini

Kuala Lumpur: Isu kekurangan ubat-ubatan dijangka pulih menjelang suku keempat tahun ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) merancang pelbagai inisiatif bagi memastikan isu terbabit ditangani, antaranya menggalakkan syarikat farmaseutikal tempatan mengeluarkan ubat-ubatan sendiri, termasuk bahan aktif farmaseutikal (API) melalui kerjasama awam-swasta.

"Kini, terdapat peningkatan permintaan mendadak ubat-ubatan untuk rawatan penyakit seperti demam, selesema dan batuk. Sebagai contoh, penjualan bagi ubat Paracetamol didapati meningkat sehingga 238 peratus bagi suku pertama tahun 2022 berbanding data jualan suku pertama bagi tahun sebelumnya.

"Permintaan yang tinggi ini menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan bagi beberapa jenis ubat-ubatan walaupun pe-

ngeluarannya ditingkatkan oleh pengilang tempatan.

"Selain itu, jumlah ubat-ubatan yang diimport dari luar negara juga sudah ditingkatkan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Isnarafssah Munirah Majilis (Warisan-Kota Belud), yang meminta kerajaan menyatakan perancangan bagi mewujudkan Dasar Sekuriti Ubat-ubatan Negara dan sejauh mana langkah mewujudkan stok penimbun dapat mengawal ketidakstabilan bekalan.

Pantau harga di pasaran

Menjawab soalan Isnarafssah Munirah sama ada kerajaan akan melakukan kawalan serta pemantauan terhadap harga ubat, Khairy berkata, masalah yang berlaku ketika ini tertumpu kepada kekurangan bekalan ubat-ubatan.

"Walaupun stok (ubat-ubatan) rendah, kerajaan sentiasa pan-

tau harga di pasaran. Jika naik mendadak, kita akan buat sesuatu bagi memastikan ada kawalan harga dan ia pernah dilakukan sebelum ini.

"Sekarang ini, antara ubat yang sangat berkurangan adalah Paracetamol, jadi kerajaan setuju stok penimbun daripada kerajaan sendiri dilepaskan untuk dijual kepada pasaran," katanya.

Beliau berkata, sejak 22 Julai lalu, KKM sudah menerima pesanan daripada 220 hospital dan klinik swasta bagi mendapatkan bekalan berkenaan.

"Kita akan menghantar dua pek, yang mana setiap pek mengandungi 1,000 biji untuk setiap klinik dan lima pek untuk setiap hospital. Harga yang kita lepaskan adalah harga pasaran asal yang dibeli kerajaan.

"Ada tiga lagi jenis ubat yang boleh kita lepaskan dan kita sedang menerima pesanan daripada hospital serta klinik iaitu membabitkan ubat selesema dan asma," katanya.



Khairy Jamaluddin menjawab soalan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

Klinik KKM diteruskan lepas waktu pejabat atasi kesesakan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan inisiatif pengoperasian luar waktu pejabat di beberapa Klinik Kesihatan (KK) di sekitar Lembah Klang bagi menangani isu kesesakan di hospitalnya.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata pengoperasian luar waktu pejabat itu adalah sehingga jam 9 atau 10 malam, bergantung pada keperluan setempat.

Beliau berkata, inisiatif itu bertujuan untuk mengurangkan kehadiran pesakit di Wad Kecemasan di hospital, terutama membabitkan mereka yang tidak berdepan situasi yang memerlukan rawatan segera.

"Kita ketika ini sedang menjalankan *extended hour* (pengoperasian di luar waktu pejabat) di beberapa klinik di Kuala Lumpur dan Selangor, maknanya ia buka sampai malam."

"Kakitangan terpilih itu akan ada waktu tugas mengikut syif. Itu antara langkah yang dijalankan untuk menguralkan pesakit kerana tidak semua yang datang ke wad kecemasan di hospital yang boleh duduk di Zon Merah."

"Sesetengahnya boleh duduk di Zon Hijau yang boleh dirawat di KK saja, tidak perlu ke hospital," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Kualiti dan Kajian Pegawai Dietetik Ketiga, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu kesesakan di hospital KKM sejak akhir-akhir ini.

Kebiasaannya, pesakit yang menghadapi masalah kesihatan di luar waktu pengoperasian KK dinasihatkan terus ke wad kecemasan hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan.

Dr Noor Azmi berkata, pengoperasian luar waktu pejabat pernah dilaksanakan sebelum ini, namun dihentikan ekoran penularan wabak COVID-19.

Selain itu, beliau berkata, KKM turut mempunyai sistem pengklusteran hospital yang membolehkan pesakit dirawat hospital daerah berada dalam kluster masing-masing.

Terdahulu, ketika berucap, Dr Noor Azmi mengingatkan semua pihak tidak terlalu leka dan terus berusaha mengekang COVID-19 supaya tidak kembali merebak.

"Kita bimbang ada lonjakan lagi dan gelombang lain. Kita risau kerana di dunia, kes semakin naik dengan varian BA.5, di Malaysia pun semakin naik."

"Kemasukan ke hospital, unit rawatan rapi (ICU), penggunaan ventilator semua naik, walaupun kematian masih satu digit," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 400 kematian akibat rokok direkodkan setiap minggu di negara ini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Menurutnya, pengambilan tembakau adalah faktor utama yang mendorong penyakit kronik dan bawa maut terutama kanser.

"Produk tembakau juga menyebabkan ketagihan nikotin iaitu salah satu kandungan dalam rokok.

"Ia mengambil masa kurang daripada 10 saat untuk sampai ke otak sebaik sahaja perokok menyedut asap rokok.

"Sebab itu sukar perokok untuk berhenti, sekali gus menjadikan ramai yang merokok sepanjang hayat dan menghadapi pelbagai jenis penyakit," katanya menerusi hantaran di TikTok.

Khairy berkata, rokok bukan hanya menyebabkan risiko kepada perokok, sebaliknya orang sekeliling yang menghidu asap rokok.


"Ingat tiada kuantiti atau jumlah tembakau yang selamat untuk kita. Ia sangat membahayakan.

"Jauhi rokok. Mainkan peranan anda dalam melahirkan generasi bebas rokok," katanya sambil meminta orang ramai menyokong Generational End Game (GEG).

Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil

400 mati setiap minggu

Pengambilan tembakau dorong penyakit kronik serta boleh membawa maut terutama kanser



Sebab itu sukar perokok untuk berhenti, sekali gus menjadikan ramai yang merokok sepanjang hayat dan menghadapi pelbagai jenis penyakit."

Khairy

Rang undang-undang mengenainya dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi Julai ini, yang disifatkan mampu menurunkan peratus perokok dan memastikan kesihatan rakyat Malaysia lebih terjamin seperti disasarkan.

KKM bantah akta baharu bagi melarang aktiviti merokok dan pemilikan sebarang produk merokok, termasuk rokok elektronik (vape).

inisiatif membentangkan akta baharu bagi melarang aktiviti merokok dan pemilikan sebarang produk merokok, termasuk rokok elektronik (vape) ke atas generasi lahir selepas 2005 atau GEG.

Kedah rekod 1,945 kes jangkitan ILI



PEMBANTU farmasi meletakkan notis ketiadaan stok kit ujian kenderi Influenza di Farmasi Sri Gombak.

Alor Setar: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah merekodkan 1,945 kes jangkitan Penyakit Seperti Influenza (ILI) yang kebanyakannya membabitkan sekolah bersemarra di seluruh negeri antara 31 Mei hingga 25 Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman berkata, jangkitan itu membabitkan 25 kluster iaitu 23 kluster sekolah dan masing-masing sebuah institusi pendidikan dan pusat pemulihan.

Beliau berkata, daripada

jumlah keseluruhan kluster itu, sebanyak tujuh adalah kluster baharu yang dikesan mula merebak bagi tempoh bermula 30 Jun hingga 25 Julai.

"Antara kluster baharu ini ialah di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pendang, Kolej Vokasional Sungai Petani 2, Institut Kemahiran Mara (IKM) Sik, Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa Sungai Pe-

tani, Akademi Sains Pendang serta MRSM Baling.

"Jumlah kes tertinggi ialah di MRSM Langkawi dengan 321 kes direkodkan dan diikuti MRSM Pendang dengan sejumlah 161 kes direkodkan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sehubungan itu, Dr Mohd Hayati menasihatkan agar prosedur penjagaan kesihatan dipatuhi dan pengesanan murid yang bergejala dilakukan.

Pencegahan boleh dibuat melalui kuarantin dan etika batuk yang betul

Katanya, penyakit berjangkit ILI sering

berlaku di lokasi yang sesak seperti di asrama sekolah dan ia merebak melalui titisan dikeluarkan oleh individu dijangkiti.

"ILI disebabkan oleh virus dan ia merebak melalui individu yang dijangkiti apabila mereka bersin, batuk dan apabila mereka berkongsi barangan dengan orang lain.

"Pencegahan boleh dibuat melalui kuarantin, kebersihan, etika batuk dan bersin yang betul.

"Tiada rawatan khusus tetapi rawatan akan diberikan berdasarkan simptom," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengagihkan tiga lagi jenis ubat-ubatan dalam stok penimbun kepada pihak perubatan swasta selepas mengagihkan Paracetamol sebelum ini, bagi menampung kekurangan bekalan ubat-ubatan di pasaran.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, tiga jenis ubat-ubatan itu ialah Promethazine untuk rawatan selesema dan Sabutamol serta Theophylline untuk merawat asma.

"Tiga jenis ubat ini kami sedang menerima pesanan dari klinik dan hospital swasta, dan kami akan lepaskan dengan kos harga yang kami beli bagi memastikan harganya berpatutan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di per-

KKM akan agih 3 lagi jenis ubat

sidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Isnaraissah Munirah Majlis (Warisan-Kota Belud)** yang meminta KKM menyatakan perancangan kerajaan bagi mewujudkan Dasar Sekuriti Ubat-Ubatan Negara dan sejauh manakah langkah kerajaan mewujudkan stok penimbun ubat-ubatan dapat mengawal ketidakstabilan bekalan.

Khairy berkata, setakat 22 Julai, KKM melepaskan stok penimbun Paracetamol kepada 220 hospital dan klinik swasta.

Katanya, penjualan bagi Paracetamol meningkat sehingga 238 peratus bagi su-

ku pertama tahun ini berbanding data jualan suku pertama tahun sebelumnya susulan peningkatan permintaan mendadak ubat-ubatan untuk rawatan penyakit seperti demam, selesema dan batuk.

"Permintaan yang tinggi ini menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan bagi beberapa jenis ubat-ubatan walaupun pengeluaran ubat-ubatan itu ditingkatkan oleh pengilang tempatan selain meningkatkan jumlah ubat-ubatan yang diimport dari luar negara," katanya.

Khairy berkata, keadaan itu dijangka pulih menjelang suku keempat tahun ini dan menyatakan antara

punca kekurangan bekalan ubat di pasaran adalah kerana gangguan bekalan berikutan polisi sekatan pergerakan penuh China memandangkan bahan aktif farmaseutikal (API) banyak dihasilkan di negara itu.

Selain itu krisis di Rusia dan Ukraine juga menjadi penyumbang masalah itu.

Bagi langkah jangka panjang, Khairy berkata, Kementerian antara lain sedang memperhalusi kerangka bagi mewujudkan kerjasama strategik bersama negara pengeluar API utama dunia bagi menjamin bekalan API untuk kegunaan negara termasuk semasa krisis.

"Peranan advokasi Ke-

menterian Kesihatan berkaitan paten produk farmaseutikal akan diperkukuhkan melalui kerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk mengelakkan *patent evergreening*.

"Ini akan memastikan

akses lebih awal kepada ubat-uba-

tan generik yang mampu milik dan melindungi hak pemegang paten," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

Oleh Raja Noraina Raja
 Rahim, Muhaamad Hafis
 Nawawj dan Yasmizal
 Dolah Aling
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kekerapan penggunaan puting kosong dan botol susu sehingga mengganggu penyusuan susu ibu menyumbang kepada kes masalah tumbesaran kanak-kanak terbantut di Malaysia.

Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada 2019, mendapati satu daripada lima kanak-kanak bawah lima tahun (21.8 peratus) mengalami masalah bantut.

Lebih mengusarkan apabila kes kanak-kanak terbantut semakin membimbangkan dan berisiko melarat sehingga ke generasi seterusnya jika ia tidak ditangani dengan serius.

Mendedahkan perkara itu kepada Harian Metro, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kanak-kanak dikategorikan sebagai bantut apabila tidak mencapai ketinggian sepatutnya untuk usia mereka, berdasarkan carta pertumbuhan panjang/tinggi untuk usia.

Menurutnya, keadaan ini berlaku apabila seseorang kanak-kanak tidak mendapat makanan yang berkualiti dan cukup dalam suatu tempoh masa lama.

"Hasil Tinjauan NHMS menunjukkan peningkatan prevalen bantut sebanyak 4.1 peratus iaitu daripada 17.7 peratus (NHMS 2015) kepada 21.8 peratus (NHMS 2019).

"Peningkatan ini melepasi tahap piawai 20 peratus hingga 30 peratus dikategorikan sebagai tinggi di bawah indeks *Public Health Significance*," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, masalah ini berlaku di semua negeri dengan peratusan tertinggi dicatatkan di Negeri Kelantan (34.0 peratus), Terengganu (26.1 peratus), Pahang (25.7 peratus) dan Putrajaya (24.3 peratus).

"Penggunaan botol susu dan puting kosong me-

BOTOL SUSU RENCAT TUMBESARAN

1 daripada 5 budak bantut



INFO BPA



- BPA adalah bahan kimia atau kompaun yang mengganggu sistem endoktrin
- Botol minuman yang berkod PTE atau PET seperti botol jus dan botol mineral tidak digalakkan untuk digunakan berulang kali.
- Jika terdedah kepada suhu melampau, ia akan membebaskan elemen toksik kimia antimoni.
- Ia menjadi penyebab kepada ketidakstabilan hormon semula jadi dan kanser

INFOGRAFI | Metro

nyebabkan anak tidak berjaya disusukan melalui penyusuan ibu terutamanya dalam tempoh enam bulan pertama selepas kelahiran.

"Ini kerana hisapan melalui puting susu pasif (bayi tidak perlu banyak menghisap dan menggerakkan rahang) berbanding penyusuan secara terus daripada ibunya. Ini menyebabkan bayi keliru puting dan memilih untuk terus menghisap botol susu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiada hisapan bayi pada payudara ibunya akan menyebabkan bekalan susu ibu mula berkurangan dan akhirnya bayi menolak penyusuan terus daripada ibu.

"Penggunaan botol susu dalam

memberi susu, minuman atau makanan serta penggunaan puting kosong juga menyebabkan kanak-kanak tidak berminat untuk makan atau minum makanan secara betul dan sihat. Ia turut meningkatkan risiko jangkitan penyakit seperti cirit-birit sekiranya botol dan puting tidak dibersihkan dan dinyahkuman dengan betul oleh penjaga seterusnya meningkatkan risiko masalah pertumbuhan seperti bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak.

"Atas sebab inilah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan amaran penggunaan botol susu, puting susu dan puting kosong boleh mengganggu penyusuan susu ibu. Ia perlu dipamerkan atau tertera pada bungkus produk sebagai peringatan risiko kepada ibu bapa.

"Antara faktor utama lain menyumbang kepada masalah bantut adalah bayi dilahirkan atau *intrauterine growth restriction* (IUGR) iaitu keadaan di mana janin tidak berkembang sempurna di dalam kandungan. Bayi dilahirkan kurang berat lahir *low birth weight* (LBW) iaitu kurang 2,500 gram.

"Socio ekonomi keluarga

iaitu kawasan sama ada bandar atau luar bandar, pendapatan isi rumah, kumpulan etnik, pekerjaan dan tahap pendidikan turut menjadi faktor kanak-kanak bantut.

"Risiko adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka di luar bandar, keluarga berpendapatan rendah, bapa tidak bekerja dan ibu berpendidikan rendah," katanya.

Beliau berkata, kes kanak-kanak terbantut juga disebabkan amalan pemberian makanan yang tidak sihat iaitu memberi bayi makan terlalu awal atau lewat daripada usia 180 hari, tidak memberi anak makanan berkhasiat yang mencukupi dan pelbagai selain tidak bersih atau tidak selamat.

"Amalan pemberian makanan daripada sumber protein haiwan turut tidak mencukupi bagi menyokong tumbesaran anak dan jangkitan penyakit," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, faktor ketinggian (genetik) ibu bapa iaitu ketinggian ibu kurang daripada 150 sentimeter (sm) serta ketinggian bapa kurang daripada 160sm juga boleh menyebabkan anak mereka terbantut.

Miliki sistem imuniti lemah, mudah dijangkiti penyakit

Kuala Lumpur: Kes kanak-kanak terbantut mampu memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan kanak-kanak di negara ini selain menyebabkan golongan itu mudah dijangkiti penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, masalah bantut akan memberi impak kepada perkembangan psikomotor, psikologi, sosial, *Intelligence Quotient* (IQ) dan *Emotional Quotient* (EQ).

Malah menurutnya, kanak-kanak yang terbantut memiliki sistem imuniti yang sangat lemah dan mudah dijangkiti penyakit.

"Dalam jangka masa panjang, anak yang terbantut akan mengalami masalah kekurangan fungsi intelektual. Ini akan menjejaskan prestasi pembelajaran di sekolah, kurang peluang mendapat pekerjaan dan mempunyai berpendapatan yang rendah apabila dewasa.

"Mereka juga lebih berisiko untuk menjadi ge-

muk berbanding kanak-kanak yang mempunyai ketinggian yang normal, sekiranya tiada kawalan dari segi pengambilan makanan dan tidak melakukan aktiviti fizikal yang secukupnya," katanya kepada Harian Metro.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham berkata, kerajaan sentiasa mengambil berat isu kesihatan kanak-kanak. Ia dibuktikan apabila sebanyak RM10 juta diluluskan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Bajet 2022.

"Dana itu antara lain digunakan bagi mengatasi masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak. KKM akan memperluaskan bantuan terhadap kanak-kanak dalam kalangan keluarga miskin yang mengalami masalah kekurangan zat makanan.

"Mereka akan diserapkan ke dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan. Selain itu golongan yang berdepan masalah kekurangan berat badan, masalah bantut, kurus serta semua kes berisiko bagi setiap kategori juga diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata, KKM turut menggandakan usaha pencegahan masalah ini melalui perluasan Program Community Feeding (PCF) Bandar di lima negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang dan Perak.

Beliau berkata, bermula tahun 2019 sehingga kini, KKM menjalankan intervensi pencegahan berkaitan kesihatan dan pemakanan untuk menangani masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak dengan menasaskan 1,000 hari pertama kehidupan iaitu bermula dengan ibu mula mengandung sehingga kanak-kanak berusia dua tahun.

"Intervensi pencegahan ini bertujuan mengawal dan mengurangkan masalah malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun dengan memberi pendedahan (*public awareness*) melalui pelbagai saluran hebah media dan aktiviti outreach berkaitan masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak kepada kumpulan sasaran.

"Ia turut membabitkan usaha mempertingkatkan kompetensi anggota kesihatan di klinik kesihatan KKM dan penjaga/ pengasuh kanak-kanak di taska kerajaan dan swasta berhubung pertumbuhan dan pemakanan kanak-kanak.

"Selain itu pencegahan bantut juga disasarkan kepada kanak-kanak miskin bandar dengan pelaksanaan Program Community Feeding (PCF) Bandar di PPR Taman Cendana, Johor Bahru," katanya.

Menurutnya, kaedah lain adalah dengan Penuhban Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak dianggotai semua kementerian dan agensi berkaitan dengan faktor penyumbang kepada masalah bantut.

"Pembentukan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak, 2022-2030 yang membabitkan pelbagai kementerian dan agensi juga diadakan bagi menangani kes kanak-kanak terbantut," katanya.



DR Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

KKM jalankan inisiatif operasi luar waktu

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan inisiatif pengoperasian luar waktu pejabat di beberapa Klinik Kesihatan (KK) di sekitar Lembah Klang, dalam menangani isu kesesakan di hospital miliknya.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, pengoperasian luar waktu pejabat itu adalah sehingga jam 9 atau 10 malam, bergantung kepada keperluan setempat.

Beliau berkata, inisiatif itu bertujuan untuk mengurangkan kehadiran pesakit di Wad Kecemasan terutama membabitkan mereka yang tidak berdepan situasi yang memerlukan rawatan segera.

"Kita ketika ini sedang menjalankan pengoperasian di luar waktu pejabat di beberapa klinik di Kuala Lumpur dan Selangor, maknanya ia buka sampai malam.

"Kakitangan terpilih itu akan ada waktu tugas mengikut syif. Itu antara langkah yang dijalankan untuk mengurangkan pesakit kerana tidak semua yang datang ke Wad Kecemasan di hospital yang boleh duduk di Zon Merah.



NOOR Azmi

"Sesetengahnya duduk di Zon Hijau yang boleh dirawat di KK saja, tidak perlu ke hospital," katanya selepas merasmikan Konvensyen Kualiti dan Kajian Pegawai Dietetik ke-tiga di sini, semalam.

Kebiasaannya pesakit yang menghadapi masalah kesihatan di luar waktu pengoperasian KK dinasihatkan untuk terus ke Wad Kecemasan hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan.

Dr Noor Azmi berkata demikian ketika mengulas mengenai isu kesesakan di hospital KKM sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata, pengoperasian luar waktu pejabat itu akan diteruskan berdasarkan kepada keperluan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



KENAIKAN harga ubat-ubatan ketika ini disebabkan pelbagai faktor termasuk peningkatan kos bekalan dan bahan mentah.

Khairy sahkan harga ubat mungkin naik

KUALA LUMPUR – Harga ubat-ubatan berkemungkinan akan mengalami peningkatan ekoran kenaikan kos bekalan dan bahan mentah.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kemungkinan itu bakal berlaku disebabkan situasi semasa yang terjadi di peringkat antarabangsa.

"China negara pengeluar utama bagi Bahan Aktif Farmaseutikal (API). Itu memang tidak boleh didapati di negara lain kecuali negara besar seperti China dan India. Apabila China melaksanakan total lockdown, ia telah mengganggu rantalan bekalan bagi API.

"Dalam penghasilan ubat bukan hanya API, tetapi bahan dimasukkan dalam ubat untuk 'bind' banyak datang dari negara

seperti Rusia dan Ukraine," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Mohd. Salim Sharif (**BN-Jempol**) mengenai strategi Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan kenaikan harga ubat.

Khairy Jamaluddin berkata, faktor lain dalam menentukan harga ubat adalah berkaitan paten.

Katanya, masalah berlaku apabila syarikat farmaseutikal mengubah suai ubat sedia ada untuk mohon paten disambung dari tahun ke tahun.

Jelas beliau, keadaan tersebut menyebabkan tiada ubat generik dapat dihasilkan dan akhirnya harga ubat berkenaan kekal tinggi.

Justeru katanya, KKM harus

melihat kepada sumber alternatif ubat-ubatan jika berlaku gangguan kepada rantalan bekalan di peringkat global.

Katanya, KKM juga sedang memperincikan pelaksanaan kawalan harga ubat melalui mekanisme ketelusan harga yang kini dalam penyediaan untuk kelulusan Jemaah Menteri.

"Saya mahu bawa satu dasar dibentangkan kepada kerajaan mengenai harga yang dijual atau harga yang dikenakan.

"Ketidadaan mekanisme ketelusan harga menyebabkan kita tidak tahu berapa sebenarnya kos pengeluaran ubat.

"Kawalan harga pilihan terakhir kerana kerajaan tidak suka campur tangan dalam pasaran, tetapi jika perlu kita pernah lakukan sebagai contoh vaksin Covid-19," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : EKONOMI

Larang rokok, vape langgar hak asasi – ARRESCON

PETALING JAYA: Keputusan unilateral kerajaan melarang produk rokok termasuk vape bagi mereka yang lahir selepas 2005, melanggar hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (FC) dan Akta Perlindungan Pengguna (CPA) 1999.

Kolumnis undang-undang yang juga juruperunding Utama bagi kumpulan pemikir, Arunachala Research & Consultancy Sdn. Bhd. (ARRESCON), R. Paneir Selvam berkata, dengan meletakkan larangan menyeluruh terhadap individu yang dilahirkan selepas 2005, kerajaan telah mengelirukan dirinya sendiri dalam isu kesaksamaan, yang penting untuk sebarang perkara berkaitan pengguna.

"Walaupun kerajaan mempunyai hak untuk menyekat pelba-



R. PANEIR

gai jenis produk bukan haram, kuasa ini mesti digunakan secara bertanggungjawab. Mereka tidak seharusnya mengarahkan generasi individu tertentu di

dalam sesebuah negeri untuk mematuhi larangan tersebut," katanya dalam kenyataan.

Menurut Paneir Selvam, Artikel 5(1) FC 1957, menyatakan "Tiada seorang pun boleh dicabut nyawanya atau dilucutkan kebebasan peribadinya kecuali menurut undang-undang," yang bermaksud, hak untuk kebebasan peribadi termasuk hak untuk privasi.

Perkara 8(1) FC 1957 pula katanya, menyatakan bahawa "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan undang-undang yang sama," yang bermaksud bahawa mereka yang lahir sebelum atau selepas 2005 harus dilayan sama rata oleh undang-undang.

Tambahnya, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (CPA) telah

direka bentuk untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada pengguna, dan hak yang diberikan oleh akta itu tidak boleh dibatalkan.

Jelasnya, ia dinyatakan dalam Seksyen 6 CPA, bahawa akta itu akan mempunyai kuasa walaupun ada kontrak yang cuba menegadkannya.

"Kerajaan mesti mengelak daripada menggubal apa sahaja undang-undang yang menjejaskan kesaksamaan dalam kalangan rakyatnya," kata beliau.

Paneir Selvam berpendapat, pengguna harus menjadi orang yang memutuskan apa yang mereka mahu makan, bukannya kerajaan.

"Akhirnya nanti, pengguna hendaklah mempunyai kebebasan untuk memilih, yang merupakan hak mereka seba-

gai pengguna.

"Negara tidak boleh bertindak sebagai pengasuh kepada rakyatnya. Sebaliknya, mereka harus memberi tumpuan kepada pendidikan pengguna, yang merupakan strategi perlindungan pengguna yang paling berkesan kerana ia membantu mencipta kemahiran yang membolehkan pelanggan berkelakuan secara bertanggungjawab. Berbanding dengan menggubal proses membuat keputusan mereka.

"Kerajaan harus mengutamakan isu yang lebih mendesak seperti pemulihan ekonomi, peningkatan pengangguran dan jenayah kolar putih daripada menumpukan kepada larangan barangan merokok untuk individu yang lahir selepas 2005," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

NEW MODELLING STUDY

'VACCINES PREVENTED DEATHS'

16,000 to 17,000
Covid-19 fatalities
averted in last 15
months, says expert

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
pews@nst.com.my

COVID-19 vaccines have prevented 16,000 to 17,000 deaths in Malaysia over the last 15 months, a new modelling study has revealed.

Institute for Clinical Research director Datuk Dr Kalaiarasu Peariasamy said Malaysia starting seeing the significant benefits of vaccination after almost half of the population were fully vaccinated in September last year.

"The country had reported 35,911 deaths due to Covid-19 since the outbreak.

"Majority of the victims were unvaccinated (61.7 per cent), followed by partially vaccinated (17.5 per cent) fully vaccinated (18.4 per cent) and those who have taken their booster shots (2.4 per cent).


"However, without vaccination, the model projection estimated that Malaysia could have potentially logged 52,149 fatalities in this period.

"Up to July 24, the country's high vaccination coverage averted 16,000 to 17,000 deaths," he told the *New Straits Times*.

Dr Kalaiarasu said the model projection also accounted for

COVID-19 MORTALITY STATISTICS IN MALAYSIA (2022)

Jan 1 to June 30, 2022: Total Positive Cases (1,807,969); Total Discharges (1,815,478); Total Deaths (4,278)



overall vaccination rates and adjusted for infection rates and case mortality rates observed in both the vaccinated and unvaccinated segments.

The virus, he said, claimed 4,278 lives between January and June this year from the 1,807,969 positive cases clocked in the same period.

"Based on the latest mortality statistics, 74 per cent of Covid-19 deaths in this period involved those aged 60 and above.

"At least 87 per cent of the victims reportedly had at least one underlying health condition," he said.

Malaysia's cumulative case fatality rate from January this year,

he said, was at 0.24 per cent up to June 30.

This means that for every 10,000 people infected with Covid-19, 24 are likely to die.

Since the Covid-19 pandemic struck Malaysia two years ago, 4,654,951 people have been infected with the virus and 4,572,712 have recovered.

The National Covid-19 Immunisation Programme, which kicked off on Feb 24 last year, saw 98 per cent of the adult population inoculated.

According to the Health Ministry's CovidNow portal, nearly half of the country's population or 16,176,976 people have received the first booster shot up to Mon-

day.

Last week, Health Minister Khairy Jamaluddin said healthy individuals aged 50 to 59 could get the second booster shot.

This, he said, was the sixth group eligible for the second booster jab following people aged 60 and above with comorbidities, those aged 60 and above without comorbidities, individuals living at long-term care facilities, individuals aged 18 to 59 with comorbidities, frontliners and travellers going abroad.

Only Pfizer vaccine is used for the second booster dose.

Up to Monday, 294,542 people have taken the second booster shot.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

High demand for fever, flu and cough medicines

KUALA LUMPUR: Sales of paracetamol in the country jumped by 238% in the first quarter of this year compared to the previous year, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"There is an exponential increase in demand for fever, flu and cough medicines," he added.

Khairy said the disruption of supply was due to the total lockdown in China where most of the supply for active ingredients for pharmaceutical products are produced and the Russia-Ukraine war where one item, which is added to one pharmaceutical active ingredient, is produced.

"Other countries such as Australia and Singapore are also facing a shortage of supply."

"The high demand has led to the shortage of certain medicines, although local manufacturers have increased production of those medicines."

"Apart from that, imports of medicines have also been increased," he said.

To ensure the country's drug security and self-reliance in times of crisis, he said local pharmaceutical companies are encouraged to produce their own active pharmaceutical ingredients (APIs) through public-private partnerships.

Other initiatives taken include the development of the Pharmaceutical Track & Trace System and strengthening Asean partnership through the Asean Drug Security and Self Reliance Framework, which aims to improve access to medicines.

"A framework is being fine-tuned to develop strategic cooperation with major API-producing countries such as India and China, to guarantee the API supply in Malaysia, including during a crisis," he noted.

Khairy was responding to a question by Isnaraissah Munirah Majilis (Warisan-Kota Belud) on the ministry's plan to create a National Medicines Security Policy and the extent of measures taken by the ministry to create a buffer stock of medicines in order to manage supply instability.